

berhajatkan tenaga pemuda dan pemudinya.

Khidmat yang mulia itu, kita percaya, akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan cara yang tidak mencabuli adat resam Melayu dan ajaran Islam, apabila persatuan sosial itu dipecahkan kepada dua pertubuhan yang bersendirian – sebuah untuk pemuda-pemudanya dan yang sebuah lagi untuk pemudi-pemudinya, kerana kedua-dua jenis manusia – yang kasar dan lembut itu – mempunyai lapangannya yang tertentu.

Banyak perkara yang berfaedah kepada masyarakat akan dapat dilakukan oleh tiap-tiap sebuah pertubuhan tersebut menurut lapangannya masing-masing.

Dalam lapangan membasmu buta huruf misalnya, pertubuhan pemudi – menerusi pemudi-pemudinya yang terpelajar – akan berjasa besar kalau dapat mencurahkan tenaganya kepada kaum sejenisnya (perempuan) yang buta huruf. Demikian juga pertubuhan pemudanya.

Dalam lapangan kebudayaan.

Dalam lapangan persuratan.

Dalam lapangan perusahaan.

Dalam lapangan iktisad.

Apatah lagi lapangan agama dan lain-lain lapangan yang berfaedah kepada masyarakat, pemuda dan pemudi kita akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang menerusi pertubuhan masing-masing.

Semuanya ini, sesungguhnya lebih berfaedah kepada kebangkitan Melayu pada hari ini yang sedang berjuang menentukan nasibnya, dan lebih mulia serta diredhai oleh Allah dan rasul-Nya.

AL-MARHŪM HĀSSAN AL-BANNĀ

Mengenai soal pergaulan yang kita hadapi pada hari ini memang tepat sebagaimana yang telah digambarkan oleh penganjur al-Ikhwān al-Muslimīn al-Marhūm Sheikh “Hāssan al-Bannā” di dalam tulisannya yang bertajuk “Perempuan Islam”:

“Rasanya tak payah diberi keterangan lagi sesudah keterangan yang telah dibentangkan itu, dan daripadanya dapatlah diketahui bahawa apa yang kita berada di dalamnya sekarang ini bukanlah daripada ajaran Islam. Perhatikanlah sahaja percampuran dan pergaulan yang tidak berkecuali yang sedang galak tersiar di antara kita dengan luasnya di tempat-tempat perhimpunan ramai. Perhatikanlah bagaimana pergaulan yang berlaku di tempat-tempat hiburan, perhatikanlah bagaimana tingkah laku berdedah sehingga mencapai peringkat hilang kehormatan dan biadab. Semuanya ini ialah dagangan asing – yang tidak ada sebarang perhubungan dengan Islam sehingga telah meninggalkan kesan yang seburuk-buruknya di dalam masyarakat kita.”

Oleh kerana hendak mengelakkan bahaya yang akan timbul dari percampuran yang tidak berbatas maka Islam telah melarang dengan kerasnya.

Al-Nasā’ī Ibnu Khuzaymah dan Ibnu Ḥibban telah meriwayatkan suatu hadis yang menerangkan setakat mana beratnya pergaulan yang dilarang itu. Maksud hadis itu demikian: “Mana-mana sahaja seorang perempuan yang memakai bau-bauan lalu berjalan melalui suatu kumpulan (lelaki yang bukan muhrim) dengan tujuan supaya mereka mencium bau harumnya maka ia telah berzina, dan tiap-tiap mata (yang memandang kepada yang haram itu dengan berahi) adalah berzina juga.”

Betapa hal kalau bercampur gaul dengan melanggar kesopanan tidakkah lebih berat hukumnya dan lebih merbahayanya?